



S A R A W A K

PENYATA RASMI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KELIMA

First Meeting of the Fifth Session

11 MEI 2026 – 20 MEI 2026

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly

SELASA

12 MEI 2026

(24 Zulkaedah 1447H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan**.

KANDUNGAN

1.0	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER.....	1
2.0	PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN	
	(1) Pelaksanaan Skim Pendidikan Tertiar Percuma (FTES).....	1
	(3) Status of Strata Title Issuance for Taman Flora Indah.....	3
	(4) Usaha Mengurangkan Kos Input Pertanian & Penternakan.....	4
	(5) Pelan Transformasi Mahkamah Bumiputera.....	6
	(6) Sarawak's Hydrogen Energy Development & Offtake Agreements.....	7
	(7) Plans for Elderly Day Care/ Recreational Centres in Bintulu.....	8
	(8) Pembangunan Pelabuhan di Sarawak.....	10
	(9) & (58) Penglibatan Komuniti dalam Industri Kreatif Berasaskan Warisan.....	12
2.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG PERTAMA	
2.1	<u>Supplementary Supply (2025) Bill, 2026</u> Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	14
2.2	<u>Supplementary Supply (2026) Bill, 2026</u> Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	14
2.3	<u>Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026</u> Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.69 Kemena (YB Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom).....	15
2.4	<u>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026</u> Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	15
3.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA	
	<u>Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026</u> Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.69 Kemena (YB Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom).....	15
	<i>[Perbahasan oleh Ahli Dewan Biasa berkaitan Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026]</i>	
	(1) YB Dato Haji Razaili bin Haji Gapor – (DUN N.29 Beting Maro).....	18
	(2) YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang – (DUN N.59 Tamin).....	20
	(3) YB Dato Rolland Duat anak Jubin – (DUN N.48 Meluan).....	22
	(4) YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi – (DUN N.58 Balingian).....	26
	(5) YB Encik Royston bin Valentine – (DUN N.57 Tellian).....	28
	(6) YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang – (DUN N.61 Pelagus).....	30
	(7) YB Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor – (DUN N.28 Lingga).....	33

(8)	YB Encik Kennedy Chukpai Ugon – (DUN N.66 Murum).....	36
(9)	YB Encik John anak Ilus – (DUN N.23 Bukit Semuja).....	38
(10)	YB Encik Friday anak Belik – (DUN N.39 Krian).....	40
(11)	YB Puan Violet Yong Wui Wui – (DUN N.10 Pending).....	41
(12)	YB Encik Chieng Jin Ek – (DUN N.51 Bukit Assek).....	44
(13)	YB Encik Chong Chieng Jen – (DUN N.9 Padungan).....	45
(14)	YB Encik Johnny Pang Leong Ming – (DUN N.68 Tanjong Batu).....	47
(15)	YB Encik Yap Yau Sin – (DUN N.12 Kota Sentosa).....	50
(16)	YB Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad – (DUN N.43 Daro).....	51
(17)	YB Dato Ir. Lo Khare Chiang – (DUN N.13 Batu Kitang).....	54
(18)	YB Tuan Haji Mohamad bin Duri – (DUN N.38 Kalaka).....	56
(19)	YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai – (DUN N.64 Baleh).....	59
(20)	YB Datuk Mong anak Dagang – (DUN N.31 Bukit Begunan).....	60
(21)	YB Encik Baru Bian – (DUN N.81 Ba’Kelalan).....	62
(22)	YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa – (DUN N.33 Engkilili).....	63
(23)	YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada – (DUN N.21 Tebedu).....	65
(24)	YB Encik Anyi anak Jana – (DUN N.49 Ngemah).....	67
(25)	YB Encik Allan Siden Gramong – (DUN N.50 Machan).....	69
(26)	YB Datuk Ding Kuong Hiing – (DUN N.46 Meradong).....	70
(27)	YB Dato Dennis Ngau – (DUN N.77 Telang Usan).....	72
(28)	YB Dato Sri Wong Soon Koh – (DUN N.53 Bawang Assan).....	74
(29)	YB Dato Miro anak Simuh – (DUN N.18 Serembu).....	77
(30)	YB Encik Billy anak Sujang – (DUN N.1 Opar).....	79
(31)	YB Encik Adam Yii Siew Sang – (DUN N.74 Pujut).....	83

4.0 RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA

Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.69 Kemena

(YB Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom).....	89
---	----

5.0 RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KEDUA

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	90
--	----

[Perbahasan oleh Ahli Dewan Biasa berkaitan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026]

(1)	YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang – (DUN N.61 Pelagus).....	92
(2)	YB Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi – (DUN N.58 Balingian).....	93
(3)	YB Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad – (DUN N.43 Daro).....	95
(4)	YB Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada – (DUN N.21 Tebedu).....	97
(5)	YB Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor – (DUN N.28 Lingga).....	99
(6)	YB Encik Royston bin Valentine – (DUN N.57 Tellian).....	101
(7)	YB Encik Kennedy Chukpai Ugon – (DUN N.66 Murum).....	103
(8)	YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang – (DUN N.59 Tamin).....	104
(9)	YB Encik Yap Yau Sin – (DUN N.12 Kota Sentosa).....	106
(10)	YB Dato Ir. Lo Khare Chiang – (DUN N.13 Batu Kitang).....	108
(11)	YB Encik Johnichal Rayong anak Ngipa – (DUN N.33 Engkilili).....	109

6.0 RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026

**Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua;
Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dan Ahli Dewan Undangan
Negeri N.37 Bukit Saban**

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)..... 112

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT..... 112

8.0 DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA PADA 12 MEI 2026

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KELIMA

Selasa, 12 Mei 2026

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 9.05 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.16 Muara Tuang</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., S.P.D.K. (Sabah), D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E., P.S.N.B. (Brunei), Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star (Japan) <i>Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</i> <i>Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar</i>	<i>N.26 Gedong</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua</i> <i>Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua</i> <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	<i>N.14 Batu Kawah</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti</i>	<i>N.56 Dalat</i>

- | | | |
|-----|--|-------------------|
| 8. | Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom
P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E.
<i>Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</i> | N.69 Kemena |
| 9. | Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E.
<i>Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan</i>
<i>Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan</i> | N.15 Asajaya |
| 10. | Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin
P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E.
<i>Menteri Pengangkutan</i> | N.75 Senadin |
| 11. | Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai
P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E.
<i>Menteri di Jabatan Premier</i> | N.60 Kakus |
| 12. | Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E.
<i>Menteri Utiliti dan Telekomunikasi</i> | N.27 Sebuyau |
| 13. | Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn
P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E.
<i>Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat</i> | N.20 Tarat |
| 14. | Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K.
<i>Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek)</i> | N.78 Mulu |
| 15. | Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E.
<i>Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat)</i> | N.32 Simanggang |
| 16. | Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil
P.G.B.K., A.M.N., P.B.E.
<i>Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya)</i> | N.19 Mambong |
| 17. | Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E.
<i>Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi)</i> | N.65 Belaga |
| 18. | Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus
P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E.
<i>Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak)</i> | N.71 Bekenu |
| 19. | Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh
P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
<i>Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar</i> | N.41 Kuala Rajang |

20. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi
P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam) N.4 Pantai Damai
21. Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali
P.G.B.K., P.T.E., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) N.7 Samariang
22. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
23. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail
P.G.B.K., A.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) N.79 Bukit Kota
24. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) N.55 Nangka
25. Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil
P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) N.76 Marudi
26. Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) N.30 Balai Ringin
27. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol
P.G.B.K., K.M.N., J.B.K., P.T.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) N.42 Semop
28. Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P., A.B.S.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan) N.73 Piasau
29. Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwo
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) N.24 Sadong Jaya
30. Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat
P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan) N.72 Lambir

31. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar N.5 Demak Laut
32. Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah) N.22 Kedup
33. Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti) N.35 Saribas
34. Yang Berhormat Datuk Henry Harry anak Jinep
P.G.B.K., P.S.B.S., A.B.S.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut) N.2 Tasik Biru
35. Yang Berhormat Datuk Dr Juanda bin Jaya
P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) N.44 Jemoreng
36. Yang Berhormat Datuk Gerald Rentap Jabu
P.G.B.K., P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan) N.36 Layar
37. Yang Berhormat Datuk Majang anak Renggi
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K., A.B.S.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan) N.70 Samalaju
38. Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat
P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) N.63 Bukit Goram
39. Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee
P.G.B.K., P.B.S.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan) N.54 Pelawan
40. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki
P.G.B.K., A.B.S., J.B.S., P.S.B.S.
Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS) N.8 Satok
41. Yang Berhormat Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman
P.S.B.S., J.B.K., P.B.S. N.6 Tupong
42. Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) N.47 Pakan
43. Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E. N.31 Bukit Begunan
44. Yang Berhormat Dato Palu @ Paulus Palu Gumbang
P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. N.80 Batu Danau

- | | | |
|-----|---|--------------------------|
| 45. | Yang Berhormat Dato Dennis Ngau
P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S. | <i>N.77 Telang Usan</i> |
| 46. | Yang Berhormat Dato Haji Razaili bin Haji Gapor
P.S.B.S., P.T.E., P.B.S. | <i>N.29 Beting Maro</i> |
| 47. | Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen | <i>N.9 Padungan</i> |
| 48. | Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui | <i>N.10 Pending</i> |
| 49. | Yang Berhormat Encik See Chee How | <i>N.11 Batu Lintang</i> |
| 50. | Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing
P.J.N., A.B.S. | <i>N.46 Meradong</i> |
| 51. | Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khare Chiang
P.S.B.S., B.B.S., J.B.K. | <i>N.13 Batu Kitang</i> |
| 52. | Yang Berhormat Dato Mohd Chee bin Kadir
P.S.B.S., A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S. | <i>N.40 Kabong</i> |
| 53. | Yang Berhormat Dato Miro anak Simuh
P.S.B.S., P.B.S. | <i>N.18 Serembu</i> |
| 54. | Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh
P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E. | <i>N.53 Bawang Assan</i> |
| 55. | Yang Berhormat Dato Rolland Duat anak Jubin
P.S.B.S. | <i>N.48 Meluan</i> |
| 56. | Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang
A.M.N., K.M.N., J.B.S. | <i>N.61 Pelagus</i> |
| 57. | Yang Berhormat Encik John anak Ilus
P.B.S., A.P.S. | <i>N.23 Bukit Semuja</i> |
| 58. | Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang
P.B.K. | <i>N.59 Tamin</i> |
| 59. | Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi
B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K. | <i>N.58 Balingian</i> |
| 60. | Yang Berhormat Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad
J.B.K., P.P.B. | <i>N.43 Daro</i> |
| 61. | Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon
J.B.S., P.P.N., A.B.S. | <i>N.66 Murum</i> |
| 62. | Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong
P.B.S., A.B.S. | <i>N.50 Machan</i> |
| 63. | Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim
A.M.N., P.M.W. | <i>N.17 Stakan</i> |
| 64. | Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang
A.B.S. | <i>N.74 Pujut</i> |

65.	Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor P.B.S.	<i>N.28 Lingga</i>
66.	Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada J.B.K., A.B.S., P.B.S., K.M.N.	<i>N.21 Tebedu</i>
67.	Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang P.B.S., P.P.B.	<i>N.1 Opar</i>
68.	Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan J.B.K., P.B.S.	<i>N.3 Tanjong Datu</i>
69.	Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin P.B.S., K.M.N.	<i>N.12 Kota Sentosa</i>
70.	Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri P.B.K., A.B.S.	<i>N.38 Kalaka</i>
71.	Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa J.B.S., P.T.E.	<i>N.33 Engkilili</i>
72.	Yang Berhormat Encik Baru Bian	<i>N.81 Ba'Kelalan</i>
73.	Yang Berhormat Encik Friday anak Belik A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C.	<i>N.39 Krian</i>
74.	Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana P.B.K.	<i>N.49 Ngemah</i>
75.	Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek P.B.S.	<i>N.51 Bukit Assek</i>
76.	Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine J.B.K., A.B.S.	<i>N.57 Tellian</i>
77.	Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai P.B.S.	<i>N.64 Baleh</i>
78.	Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming P.B.S.	<i>N.68 Tanjong Batu</i>
79.	Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee P.B.S.	<i>N.67 Jepak</i>

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P.	<i>N.52 Dudong</i>
2.	Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii P.G.B.K., D.I.M.P., S.S.A.P.	<i>N.45 Repok</i>
3.	Yang Berhormat Encik Awla bin Dris P.B.S., A.B.S.	<i>N.25 Simunjan</i>

4. Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan
P.B.S.

N.62 Katibas

TURUT HADIR

1. Encik Nur Azhar bin Bujang
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehadin
Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. Inspektor Nelson anak Ensit
Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Eldino Erick Joss
Bentara Mesyuarat
5. Penolong Superintenden Hadyan bin Abd Rahman
Bentara Mesyuarat
6. Penolong Superintenden Cornelius anak Philip Aso
Bentara Mesyuarat
7. Penolong Superintenden Lydwilkyn Andar anak Umbau
Bentara Mesyuarat
8. Inspektor Bryan Hansen anak Wennedy
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PEMBACA PRUF

- | | |
|------------------------------|--|
| 1. Encik Adam Huang Tung Kai | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |
| 2. Puan Beatrice anak James | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak</i> |

PEMBACA PRUF

- | | |
|--------------------------------------|--|
| 1. Puan Dorensia Dyonie Dominic | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |
| 2. Puan Saidatul Faiqah binti Samasu | <i>Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak</i> |

JURUTRENGKAS

(Dikendalikan oleh Persatuan Setiausaha Profesional dan Pentadbir Sarawak (SSS))

- | | |
|---|---|
| 1. Puan Nurul Izza binti Jem | <i>Jabatan Peguam Besar Negeri</i> |
| 2. Puan Sharlina binti Mushar | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 3. Puan Malin anak Arit | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 4. Puan Nur Afizah binti Raduan | <i>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</i> |
| 5. Puan Nur Izzatul Fatimah @ Patricia Abdullah | <i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i> |
| 6. Puan Siti Noraishah Amalina binti Kaderi | <i>Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak</i> |
| 7. Puan Nor Shila binti Shamsuddin | <i>Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak</i> |
| 8. Puan Noor Afifah binti Bahaudin | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 9. Encik Camillus Andreason anak Nicholas Mijer | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 10. Puan Hazreena binti Hussien Ali | <i>Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak</i> |
| 11. Puan Yarosa Tunggi | <i>Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak (UAD)</i> |
| 12. Puan Pamela Mae anak Laweng | <i>Unit Komunikasi Awam Sarawak, Jabatan Premier Sarawak (UKAS)</i> |
| 13. Encik Mohd Alfadger bin Tuah | <i>Pentadbiran Bahagian Kuching</i> |
| 14. Puan Nurzatul Atikah binti Sahak | <i>Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak</i> |

15.	Puan Nurhanisah Nadiah bt Mohamad Terki	<i>Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak</i>
16.	Puan Sophia anak Rangim	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
17.	Puan Mariadiba Naliza binti Marzuki	<i>Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)</i>
18.	Puan Sylvia anak Chichik	<i>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</i>
19.	Puan Nur Syakila binti Kasdinata	<i>Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak</i>
20.	Puan Siti Aisyah Abdullah @ Rosemary Langub	<i>Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC)</i>
21.	Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka	<i>Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)</i>
22.	Puan Zuriawati binti Haji Mohd Laili	<i>Pustaka Negeri Sarawak</i>
23.	Puan Margaret anak Francis Bohui	<i>Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA)</i>
24.	Puan Anieta anak Sylvester Punga	<i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)</i>
25.	Puan Nurul Hafizha binti Osman	<i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)</i>
26.	Puan Nursurfina binti Blassan	<i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)</i>
27.	Puan Ratna Airnawati binti Md. Junaidi	<i>Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC)</i>
28.	Puan Sabtuyah binti Adeng	<i>Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC)</i>
29.	Puan Khalida binti Mohd Mahali	<i>Majlis Islam Sarawak</i>
30.	Puan Meri binti Sabas	<i>Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</i>
31.	Puan Lilian Bian	<i>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)</i>
32.	Encik Azhwan bin Bujang	<i>Persatuan Setiausaha Profesional dan Pentadbir Sarawak (SSS)</i>

JURURAKAM PERSIDANGAN

1.	Puan Nordiana binti Rabae	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
2.	Puan Siti Nazilafatullaini binti Sukri	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
3.	Encik Lee Chang Fu	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
4.	Encik Shaharuddin bin Abdul Ra'afup	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>
5.	Encik Fareez Azizi bin Zakeria	<i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i>

JURUCETAK

1.	Encik Mohd Nor Majidi bin Marekan	<i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i>
2.	Encik Byreen anak Rona	<i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i>

JURUTEKNIK IT

1.	Encik Abang Hasmadi bin Abang Wahab	<i>SAINS</i>
2.	Encik Mohamad Fadzly bin Arfan	<i>SAINS</i>
3.	Puan Zuraidah binti Zaidi	<i>SAINS</i>
4.	Encik Ahmad Akmal Afiq	<i>SAINS</i>
5.	Encik Azmuddin Yazid bin Jemat	<i>SAINS</i>
6.	Encik Siddeq Harris Chiew	<i>SAINS</i>

MESSENGER

1.	Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed	<i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i>
2.	Encik Andy anak John	<i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i>

3.	Encik Mohammad Zaidi bin Rambli	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
4.	Encik Lawrence Encharang	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
5.	Encik Helmy bin Abdul Rahman	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
6.	Encik Shah Riwandu Sia bin Ridzuan	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
7.	Encik Erdy Nurwiranata bin Eden	<i>Jabatan Pertanian Sarawak</i>
8.	Encik Mohamad Zahari bin Hamden	<i>Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching</i>
9.	Encik Addison anak Fredrick	<i>Jabatan Tanah dan Survei Sarawak</i>
10.	Encik Fadillah bin Lokman	<i>Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching, Sarawak</i>

SEKRETARIAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Tuan Haji Abang Zaabar bin Abang Ballia
2. Encik Nurkhairudin bin Osen
3. Cik Noria binti Suut
4. Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
5. Puan Rabiah binti Abdul Kadir
6. Puan Aisha Parveen binti Badron
7. Cik Genang anak Timbung
8. Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri
9. Puan Hanisah Abdullah
10. Puan Hasfarini binti Hassim
11. Cik Nurhaffizah Abdullah
12. Puan Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
13. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
14. Encik Felix Aaron anak Michael
15. Cik Sharina binti Sopian
16. Puan Patricia anak Peter
17. Encik Awang Mohammad Asyurul Jaya bin Awang Putra
18. Sarjan Terence anak Jayan
19. Puan Norziana binti Haji Ahmad
20. Puan Nur Eliana Abdullah
21. Puan Nazmah binti Darham
22. Puan Tracy Lyana anak Bana
23. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
24. Encik Mohd Zulkhairi bin Mohammad Hejemi
25. Puan Dayang Nazira binti Abang Martaza
26. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
27. Puan Dayang Noorazilla binti Jasni
28. Cik Parcelia Renyelina anak Pamg
29. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
30. Puan Deidre anak Wilson
31. Cik Siti Nur Marsitah binti Abdullah
32. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
33. Encik Razali bin Awi
34. Puan Nora binti Atem
35. Encik Zahari bin Bolhi
36. Encik Lukas Jammany anak Kated
37. Encik Ruzaimy bin Muhammad
38. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
39. Encik Salman bin Jaya
40. Encik Alwie bin Haji Ali
41. Encik Romzi bin Bujang
42. Encik Musa bin Julai
43. Puan Suraya binti Hamden
44. Puan Noraisah binti Ahmad
45. Cik Siti Zalilah binti Samsawi
46. Encik Iz Mohd. Haiqal Hakeem bin Mahamud

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Cik Tania Adilla binti Hamka
2. Encik Jefrey Jerry anak Juki
3. Encik Mohamad Ainul Hakim bin Mustapha

(Mesyuarat dimulakan pada jam 9:05 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

DOA

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismilahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T, selamat pagi dan salam sejahtera. Honourable Members, under Standing Orders 12(1)(2), Government's Business shall take precedent of a Private Member's business and government business shall be set down in such order as the government team fit and communicates to the Secretary four days that is today, Wednesday, Thursday, and Friday this week are set aside for the daily one hour question time. Wednesday, Thursday and Friday this week shall be devoted to debate on Head of State's address. The Ministers replies shall take the remaining three days next week. That is Monday, Tuesday and Wednesday. Ahli-ahli Yang Berhormat, pursuant to Standing Order 69(1), I have appointed the following Honourable Members to be members of the Standing Orders for the Selection Committee for this session.

- (a) Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg;
- (b) Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas;
- (c) Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan;
- (d) Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian;
- (e) Yang Berhormat Datuk Sri John Sikie anak Tayai; and

I, as the Speaker shall be the Chairman of the Committee.

Ahli-ahli Yang Berhormat, I have granted leave of absence under Standing Order 81 to Yang Berhormat Datuk Sri Huang Tiong Sii, Honourable Member for N.45 Repok for today and tomorrow's sitting and Yang Berhormat Awla bin Haji Idris, Honourable Member for N.25 Simunjan for today until 15th May 2026.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad N.43 Daro

YB Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad: Assalamualaikum W.B.T, salam sejahtera, salam Sarawak Maju Makmur. Terima kasih, Tuan Speaker. Alhamdulillah, pertama kali, sudah nak habis penggal kedua saya mendapat soalan nombor satu. Mohon Menteri menjawab. Terima kasih.

Pelaksanaan Skim Pendidikan Tertiari Percuma (FTES)

(1) YB Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat: Pada tahun 2006, Kerajaan Sarawak telah melaksanakan Skim Pendidikan Tertiari Percuma (Free Tertiary Education Scheme, FTES). Berapakah jumlah pelajar yang telah menerima manfaat daripada skim tersebut setakat ini, serta apakah pecahan jumlah tersebut mengikut empat institusi pengajian tinggi milik Kerajaan Sarawak?

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi); dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.55 Nangka (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Haji Rapa'ee): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Daro. Tuan Speaker, tahun 2026 merupakan tahun bersejarah bagi rakyat Sarawak kerana pada tahun ini bermulalah suatu impian, iaitu untuk memberi pendidikan tertiar secara percuma untuk anak Sarawak...*(Applause)*...

Ini merupakan sejarah yang paling besar untuk negeri Sarawak. Oleh sebab itu pada tahun ini seramai 4,694 orang pelajar dari empat institusi pengajian tertinggi di Sarawak telah ditawarkan pendidikan secara percuma ini. Jumlah ini termasuk pelajar-pelajar yang sedia ada ataupun *existing student* dan juga pelajar-pelajar yang mendaftar sebelum 31 Mac pada tahun ini. Mengikut pecahannya, Tuan Speaker, bagi Universiti i-CATS, Universiti Kolej i-CATS terdapat 172 orang pelajar yang ditawarkan. Sementara Universiti Curtin Malaysia di Miri telah menawarkan seramai 543 orang pelajar dan Swinburne Kuching telah menawarkan seramai 1,959 orang pelajar secara percuma ini dan Universiti Teknologi Sarawak di Sibu pula menawarkan 2,020 orang pelajar pendidikan secara percuma pada tahun ini. Jumlah ini pasti akan meningkat apabila enrolmen Jun ataupun September ini bertambah dan kita menyasarkan seramai 10,000 pelajar di seluruh Sarawak akan menikmati pendidikan secara percuma ini mulai tahun ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

YB Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad: (*Soalan Tambahan*) Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas pencerahan dan jawapan yang telah diberi. Alangkah untungnya anak Sarawak. Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan.

- (a) Memandangkan jumlah yang begitu banyak dan ia juga akan diteruskan pada masa akan datang, jadi bagaimanakah Kerajaan Sarawak dapat memastikan kelestarian FTES ini untuk anak Sarawak? Dan soalan saya yang kedua.
- (b) Adakah terdapat pelajar-pelajar yang layak mendapat FTES ini tetapi menolak? Dan jika ada, berapakah...berapa ramaikah yang menolak dan apakah sebab mereka menolak? Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi); dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.55 Nangka (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Haji Rapa'ee): Terima kasih Yang Berhormat, soalan pertama amat penting sebab masyarakat kita mahu mengetahui bagaimana Kerajaan memastikan dasar ini akan sentiasa berterusan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya akan menjawab soalan ini berdasarkan kepada tiga perkara.

- (a) Kedudukan kewangan negeri;
- (b) Kita menyimpan untuk masa depan; dan
- (c) Dari sudut ekonomi.

Yang Berhormat, mengikut data, GDP Sarawak ataupun Keluaran Dalam Negara Kasar sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Pada tahun 2024, ia menunjukkan peningkatan 148 bilion dan ini menjadikan GDP per kapita 73 hingga 80 ribu per kapita. Apabila kita mencapai tahap tersebut, Bank Negara mengisytiharkan kita sebagai wilayah yang berpendapatan tinggi.

Oleh sebab itu, kedudukan kewangan kita mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada *Moody's* yang memberi A3 ataupun *stable outlook* dan juga *Standard Poor's* memberi *A minus standard outlook*. Apa maksudnya ini, Yang Berhormat? Maksudnya ialah kita mempunyai *very strong fiscal reserve*, kita mempunyai *prudent financial management* dan yang paling penting kita mempunyai *consistent surplus budget* untuk memastikan skim ini berterusan.

Yang kedua, pada tahun 2022, kerajaan menubuhkan apa yang dinamakan sebagai *Sarawak Sovereign Wealth Future Fund*. Kita menyimpan untuk generasi masa depan, secara spesifiknya tidak menyebut untuk pendidikan tetapi inilah tujuan kerajaan untuk memastikan anak-anak Sarawak di masa depan mempunyai cukup untuk pendidikan dan juga dari segi ekonominya.

Yang ketiganya. Yang Berhormat; dari segi ekonominya apabila kita melabur untuk pendidikan, pulangnya adalah jangka panjang, anak-anak Sarawak akan dapat pendidikan ataupun ilmu yang tinggi dan mereka mempunyai ilmu untuk memantapkan lagi ekonomi kita dan seterusnya pulangan ekonomi tersebut dijadikan *revenue* kerajaan untuk memastikan bahawa skim ini dapat berterusan.

Secara kesimpulannya, Yang Berhormat bahawa FTES ini akan dapat kita pastikan berpanjangan atas sebab apa yang selalu dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Premier jika kerajaan mempunyai pendapatan yang lebih kita harus pulangkan kepada rakyat, inilah dasar ataupun konsep dimana pendapatan lebih dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk *Free Tertiary Education Scheme ini... (Applause)...* dan yang paling penting akhirnya, Tuan Speaker, ialah kita mempunyai kestabilan politik, apabila kita mempunyai kestabilan politik, tumpuan kita adalah untuk membangunkan ekonomi dan seterusnya meningkatkan pendapatan negeri kita.

Yang kedua, soalan daripada Yang Berhormat, memang betul ada dari setengah pelajar iaitu seramai 1,433 orang, mereka tidak mahu menerima FTES ini, bukan mereka tidak suka ataupun mereka menolak, mereka mempunyai alasan yang cukup baik. Ini adalah di kalangan *existing student* di mana mereka di peringkat tahun akhir, tahun hadapan sudah tamat pengajian, mereka mempunyai kontrak ataupun perjanjian dengan pihak-pihak biasiswa, di mana mereka tidak dapat *breach the contract* sebab itu mereka menolak FTES ini tetapi jika mereka menolak, ini akan memberi peluang lagi kepada pelajar-pelajar lain untuk menikmati FTES ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Speaker: Question number 2 by YB Encik Awla bin Idris, Member for N.25 Simunjan. I stand down. Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khare Chiang, Batu Kitang.

Status of Strata Titles Issuance for Taman Flora Indah

(3) YB Dato Ir. Lo Khare Chiang to ask the Minister for Natural Resources and Urban Development: What is the current status of the issuance of strata titles for Taman Flora Indah at Arang Road in N.13 Batu Kitang?

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: Thank you, Tuan Speaker. A very good morning and I have a *pantun* to share.

*Saya tinggal di Batu 3,
Office saya pun berada di Batu 3,
Terletak di Tingkat 3,
Jarang saya tidur pukul 3, jarang-jarang
Soalan saya nombor 3... (Laughter)...*

YB Datuk Haji Len Talif Salleh: *Saya pun sik dapat nak jawab pantun ya.* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu Kitang, pengeluaran surat hakmilik strata bagi Taman Flora Indah belum dapat dimuktamadkan kerana ia nya masih di peringkat teknikal iaitu *Type B Survey (Stage 2)*.

Bagi Taman Flora Indah 2 yang melibatkan *Lot 3848 Blok 128 Kuching North Land District, Type B Survey* telah diterima daripada pihak perunding dan sedang dalam proses semakan oleh Jabatan Tanah dan Survei. Manakala bagi Taman Flora Indah 1 melibatkan *Lot 3847 Blok 128 Kuching North Land District* dan Taman Flora Indah 3 pula melibatkan *Lot 3849 Blok 128 Kuching North Land District* yang juga di *peringkat Type B Survey (Stage 2)* yang sedang dimuktamadkan oleh pihak juruukur perunding. Terima kasih.

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: *(Soalan Tambahan)* Terima kasih Menteri Muda. Saya ada dua soalan tambahan.

- (a) What efforts have been implemented by the government to improve compliance by developers and consultants with the technical requirements for strata titles?
- (b) What are the main factors causing delays in the issuance of strata titles?

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.41 Kuala Rajang (YB Datuk Haji Len Talif Salleh): Terima kasih kepada Ahli

Yang Berhormat bagi Batu Kitang. Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan nombor 1 dari Yang Berhormat Batu Kitang, bagi memastikan kelancaran proses pengeluaran surat hak milik strata dan meningkatkan tahap pematuhan, pihak berkepentingan di bawah *Strata (Subsidiary Titles) Ordinance, 2019*, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti berikut:

- (a) Sesi Libat Urus dilaksanakan secara berkala bersama pemaju dan perunding bagi memberi penjelasan, keperluan di bawah *Strata (Subsidiary Titles) Ordinance, 2019* serta membincangkan isu berbangkit untuk meningkatkan pematuhan dan kualiti permohonan;
- (b) Garis Panduan dan Senarai Semak Standard disediakan bagi memastikan keperluan teknikal dan dokumentasi dipatuhi sekali gus mengurangkan kesilapan dan mempercepatkan proses semakan; dan
- (c) Taklimat Teknikal diadakan bagi memberikan penerangan aspek teknikal, mengemaskinikan keperluan semasa dan meningkatkan keupayaan perunding dalam menyediakan permohonan yang lengkap.

Untuk soalan kedua, faktor utama kelewatan pengeluaran surat hak milik strata ialah kegagalan pemaju menyiapkan pengukuran skim strata dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Pembangunan skim strata melibatkan dua peringkat pengukuran iaitu *Survey Type A* dan *Survey Type B*.

Survey Type A merujuk kepada pengukuran sempadan *parent lot* dan peletakan tapak pembangunan untuk skim strata manakala *Survey Type B* pula merujuk kepada pengukuran *parcel* yang terletak di dalam bangunan skim strata.

Selain itu, faktor lain yang turut menyumbang kepada kelewatan dalam pemprosesan hak milik strata khususnya diperingkat *Strata Title Application* (STA) adalah berpunca daripada beberapa perkara seperti berikut:

- (a) Dokumen tidak lengkap dan tidak mematuhi keperluan termasuk isu berulang dalam senarai semakan teknikal;
- (b) Pembinaan bangunan yang tidak memenuhi pelan bangunan yang telah diluluskan;
- (c) Kelewatan pihak pemaju dalam membuat bayaran pengukuran;
- (d) Pertukaran reka bentuk dan jenis petak oleh pihak pemaju selepas pelan diluluskan;
- (e) Struktur bangunan menceroboh atau terkeluar daripada sempadan lot iaitu *structure encroachment* yang turut menjejaskan kelancaran proses permohonan; dan
- (f) Kelewatan pengeluaran surat hak milik parent lot berpunca daripada kegagalan, pematuhan, kelulusan perancangan dan pembayaran premium oleh pemaju.

Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Dato Haji Razaili bin Haji Gapor, Beting Maro.

YB Dato Haji Razaili bin Haji Gapor: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 4.

Usaha Mengurangkan Kos Input Pertanian dan Penternakan

(4) YB Dato Haji Razaili bin Haji Gapor bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah: Memandangkan kenaikan kos input pertanian yang membebankan petani, apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan kos input pertanian terutama baja dan makanan ternakan? Adakah kerajaan bercadang meningkat pemberian subsidi input pertanian terutamanya kepada petani?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan); dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.79 Bukit Kota (YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji

Ismail): Terima kasih, Tuan Speaker dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro, berdasarkan peruntukan tahun 2026, Kerajaan Sarawak menggariskan beberapa pendekatan bagi mengurangkan kos input pertanian secara langsung, dan tidak hanya bergantung kepada peningkatan subsidi secara langsung. Antara pendekatan itu adalah:

- (a) Memberi penekanan kepada pelaksanaan amalan pertanian baik ataupun *good agricultural practice* sebagai asas bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan penggunaan input pertanian;
- (b) Menggalakkan penggunaan baja alternatif berasaskan konsep *waste-to-wealth*, termasuk penghasilan baja organik daripada sisa pertanian, sisa ternakan dan juga bahan buangan industri agro;
- (c) Memperkasakan penggunaan teknologi moden dan ICT yang dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh serta menurunkan kos operasi keseluruhan; dan
- (d) Meningkatkan khidmat sokongan berkaitan penggunaan keupayaan tanah (*soil capability*) melalui penyediaan khidmat nasihat teknikal, pemetaan kesesuaian tanah, serta cadangan jenis tanaman optimum mengikut ciri tanah setempat.

Tuan Speaker, secara keseluruhannya, Kerajaan Sarawak menumpukan kepada pendekatan yang lebih mampan dan menyeluruh melalui peningkatan produktiviti, pembangunan infrastruktur, penerapan teknologi moden serta pembangunan sumber input alternatif tempatan.

Pendekatan ini diyakini lebih berkesan dalam mengurangkan kos pengeluaran serta memperkukuh daya tahan sektor pertanian dalam jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, Kerajaan akan terus melaksanakan program bantuan kepada golongan sasar yang memerlukan. Terima kasih.

YB Dato Haji Razaili bin Haji Gapor: (Soalan Tambahan) Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Datuk Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan.

- (a) Apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Sarawak untuk memastikan khidmat sokongan berkaitan keupayaan tanah dapat membantu petani meningkatkan hasil serta mengurangkan pembaziran input pertanian?
- (b) Apakah usaha kerajaan dalam memperkukuh amalan pertanian baik (GAP) bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan penggunaan input pertanian?

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.79 Bukit Kota (YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail): Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk jawapan yang pertama, antara pendekatan yang diambil oleh kerajaan ialah melaksanakan pemetaan kesesuaian tanah secara terperinci yang membolehkan pengelasan kawasan berdasarkan potensi agroekologi masing-masing. Hasil pemetaan ini digunakan sebagai asas dalam menentukan jenis tanaman yang paling sesuai untuk ditanam di sesuatu kawasan. Selain itu, kerajaan turut menyediakan khidmat nasihat teknikal secara berterusan kepada petani termasuk mencadangkan kadar penggunaan baja yang tepat mengikut keperluan tanah sekali gus mengelakkan penggunaan input secara berlebihan yang boleh meningkatkan kos pengeluaran. Pendekatan ini turut disokong melalui penyebaran maklumat serta pemberian bimbingan lapangan oleh pegawai teknikal bagi memastikan setiap keputusan penanaman dibuat berdasarkan data dan bukti saintifik.

Bagi jawapan soalan yang kedua, kerajaan memberi penekanan kepada pelaksanaan *good agricultural practices* sebagai asas dalam meningkatkan produktiviti serta kecekapan penggunaan

input pertanian. Pendekatan ini dilaksanakan melalui program kesuburan tanah dan nutrisi tanaman serta program pemuliharaan tanah dan agroekosistem yang menumpukan kepada pengurusan tanah lestari, penggunaan input secara tepat serta pemeliharaan keseimbangan ekosistem pertanian. Amalan ini bukan sahaja dapat meningkatkan hasil malah mengurangkan pembaziran dan kos pengeluaran dalam jangka masa yang panjang. Terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang, Pelagus.

YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang: Thank you, Tuan Speaker, my question is number 5.

Pelan Transformasi Mahkamah Bumiputera

(5) YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang bertanya kepada Premier Sarawak: Apakah status Pelan Transformasi Mahkamah Bumiputera agar ia setaraf dengan Mahkamah Sivil dan Syariah?

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera); Ahli Dewan Undangan Negeri N.63 Bukit Goram (YB Datuk Jefferson Jamita anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus, kajian yang dijalankan pada tahun 2020 untuk menstrukturkan semula dan menaik taraf Mahkamah Bumiputera Sarawak telah siap pada Februari 2023. Laporan akhir kajian tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada bulan Julai 2023. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada dasarnya telah meluluskan hasil kajian, "*Masterplan for the Transformation of the Native Courts of Sarawak*".

Berdasarkan Pelan Induk Transformasi ini, Mahkamah Bumiputera Sarawak akan membuat pindaan kepada *Native Courts Ordinance, 1992*. Jadi, bagi membolehkan penstrukturkan semula ini, *Native Courts Ordinance, 1992* yang sedia ada perlu dimansuhkan (*repeal*) dan diganti dengan Ordinan Mahkamah Bumiputera yang baharu atau *New Native Courts Ordinance*. Oleh itu, satu Rang Undang-undang Mahkamah Bumiputera atau *New Native Courts Bill* sedang dirangka dan akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus, penstrukturkan semula Mahkamah Bumiputera Sarawak di bawah Rang Undang-undang yang baharu nanti akan melibatkan perubahan dalam struktur pentadbiran dan bidang kuasa mahkamah. Sekian, terima kasih.

YB Encik Wilson Nyabong anak Ijang: (Soalan Tambahan) Terima kasih, Tuan Speaker and terima kasih, Timbalan Menteri. Saya ada soalan tambahan, dua.

- (a) Berapa banyakkah kes pertikaian tanah adat bumiputera yang masih tertangguh perbicaraan di Mahkamah Bumiputera Sarawak?
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Mahkamah Bumiputera Sarawak untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes di Mahkamah Bumiputera Sarawak?

Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera); Ahli Dewan Undangan Negeri N.63 Bukit Goram (YB Datuk Jefferson Jamita anak Unyat): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus *for your* soalan tambahan. Yang pertama, setakat 1 Mei 2026, sejumlah 4,755 kes yang melibatkan pertikaian tanah adat bumiputera yang didaftarkan di Mahkamah Bumiputera Sarawak. Kes-kes mahkamah ini dibicarakan di tiga peringkat Mahkamah Bumiputera Sarawak, iaitu di Mahkamah Bumiputera Daerah, Mahkamah Bumiputera Residen dan Mahkamah Rayuan Bumiputera Sarawak. Status terkini kes berdaftar yang masih belum selesai adalah sebanyak 1,316 kes di peringkat Mahkamah Bumiputera Daerah, 187 kes di peringkat Mahkamah Bumiputera Residen dan 92 kes di peringkat Mahkamah Rayuan Bumiputera.

Jadi, manakala untuk menjawab soalan tambahan yang kedua, Mahkamah Bumiputera Sarawak telah melaksanakan pelbagai langkah pendekatan yang strategik dan berterusan bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes yang didaftarkan.

Antara langkah utama ialah pelaksanaan *Capacity Building Programme* (CBP) yang melibatkan pegawai tadbir, kerani dan peon mahkamah, dan setakat 30 April 2026, program telah dilaksanakan di Sri Aman dan Sibu, iaitu melibatkan peserta dari bahagian Kapit dengan penyertaan seramai 40 orang peserta.

Selain itu, Mahkamah Bumiputera Sarawak turut melaksanakan sesi libat urus dan sesi dialog di peringkat daerah bagi memberi bimbingan secara langsung kepada kerani dan peon mahkamah serta Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK). Setakat 30 April 2026, program ini telah dilaksanakan di Selangau, Sibu dan Limbang melibatkan penyertaan seramai 70 orang peserta.

Pendekatan strategik ini meningkatkan kefahaman terhadap pengurusan dan prosedur mahkamah serta memperkukuhkan keyakinan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) sebagai pegawai pengetua, termasuk pegawai tadbir, kerani mahkamah dan peon mahkamah dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Encik See Chee How, Batu Lintang.

YB See Chee How: Thank you, Tuan Speaker. My question is question number 6.

Sarawak's Hydrogen Energy Development & Offtake Agreements

(6) YB Encik See Chee How to ask the Ministry for Energy and Environmental Sustainability: The current outlook of Sarawak's drive to transform the state into a clean hydrogen energy powerhouse and the progress in securing long-term international offtake agreements for our hydrogen outputs.

Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.5 Demak Laut (YB Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni): Terima kasih, Tuan Speaker. For the information of the Ahli Yang Berhormat bagi Batu Lintang, Sarawak remains firmly committed to developing a clean hydrogen economy as part of our broader ambition to position the state as a regional clean energy powerhouse, guided by the Sarawak Energy Transition Policy and the Sarawak Hydrogen Economy Roadmap.

Our approach is structured and phased, focusing on strengthening the entire hydrogen value chain from production to midstream processing, domestic utilisation, and future export opportunities. For export, to advance this agenda, PETROS, through its partnership with China Jiangsu International Economic and Technical Cooperation Group Ltd., is developing the Kuching Low Carbon Gas Hub, which forms a key part of the midstream segment, which potentially includes hydrogen as its derivatives. This is complemented by Sarawak Petchem's low-carbon methanol project in Bintulu which further strengthens midstream capabilities and serves as a practical demonstration of Sarawak's readiness to support a viable hydrogen ecosystem. Together, these initiatives enhance Sarawak's credibility in engaging and securing long-term international offtake arrangements.

For the domestic market, the government is stimulating domestic demand through catalyst projects such as the Kuching Urban Transportation System, which will utilise hydrogen-powered Autonomous Rapid Transit and feeder buses.

The Rembus Hydrogen Plant in Samarahan will produce 1 tonne of hydrogen per day by the first quarter of 2027, 2 tonnes per day in Phase 2 and another 2 tonnes per day in Phase 3.

Overall, Sarawak's hydrogen development is being implemented in a practical and progressive manner, balancing export readiness with domestic market development, while building local capabilities and creating sustainable long-term value for Sarawak.

YB See Chee How: (*Supplementary Question*) Thank you, Tuan Speaker. Thank you, Datuk Timbalan Menteri. I have two supplementary questions.

- (a) What are the potential downstream green products that will be produced for my green hydrogen?
- (b) What is the government plan to reduce dependency on conventional energy source or fossil fuel, example coal?

Thank you.

Tuan Speaker, I also support the provisions in the Bill relating to the research and development. Sarawak cannot develop its rice industry using old methods alone. We need better seeds, planting techniques, better machinery, better irrigation, better soil management, better processing, better packaging and better marketing.

Research and development must eventually benefit not only farmers, but also consumers and businesses. If Sarawak can produce better quality rice and stronger rice-based products, then there will also be downstream opportunities for towns like Bintulu in packaging, logistics, retail and food processing. I also note that the Bill allows the State Government to declare any area of the state land as a Paddy Development Area. This is an important provision because Sarawak need properly planned areas for paddy development.

Although my constituency may not be directly involved in such development areas, the people of Bintulu will still benefit if Sarawak can increase local rice production. When rural production become stronger, urban supply becomes more secure. When farmers are supported, consumers are protected. When Sarawak becomes more self-reliant, every household benefits. This shows that rural development and urban wellbeing are connected.

Tuan Speaker, while I support this Bill, I wish to offer three humble suggestions. First, the Board should ensure that its work covers the whole supply chain, not only production. Storage, processing, packaging, logistics, distribution and market access are equally important.

Second, the Board should engage not only farmers, but also millers, wholesalers, retailers, transporters, restaurants, hawkers and consumer representatives. Rice affects many layers of society, so consultation must be broad.

Third, the Board should ensure that regulation and enforcement are practical and fair. Licensing, standards, and enforcement are necessary, but they should not become a burden to genuine small farmers and small traders. The purpose of the Board should be to strengthen the industry, not to make life harder for ordinary people.

Tuan Speaker, in conclusion, I support the Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026 because this is a forward-looking Bill. It gives Sarawak a dedicated institution to coordinate, regulate and develop the paddy and rice industry. It strengthens our food security frameworks, supports better planning, better data, better standards, better research, better enforcement, and better long-term resilience.

Most importantly, the Bill reminds us that rice is not only about agriculture. Rice is about daily life. For the people of Bintulu, the Bill matters because it is connected to food supply, cost of living, small businesses and urban resilience. We may not have paddy fields in Tanjong Batu, but we have dining tables. We may not plant rice in Bintulu town, but our people depend on rice every day. Izinkan saya menutup ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

*YB DAP ketuk pintu,
Tin milo dipegang dalam tangan;
Tabung harapan konon nak bantu,
Rakyat tertipu dalam kenangan.*

*Dua tiga kucing berlari,
Manakan sama Pending dan Padungan;
Bila nak janji harus ditepati,
Jangan selalu beri bayangan.*

With that, I fully support the Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026. Thank you.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Batu. Walaupun pantun tak seberapa, minta maaf. I don't appreciate that *pantun*. You try better next time, Yang Berhormat. Anyway, congratulations for trying. Yang Berhormat Kota Sentosa, please.

YB Encik Yap Yau Sin: Thank you, Tuan Speaker. I rise to participate in this debate not only as a legislator, but as a representative of an urban constituency whose residents feel the direct impact of rising food prices every single day. And while paddy fields may be far away from our city centres, food security is not a rural issue alone. It is an issue that affects every urban household in Kuching, Sibu, Bintulu, Miri and every urban setting or family struggling with the rising cost of living. The aspiration to achieve 60% rice self-sufficiency by 2030 is therefore not merely an agricultural target. It is about ensuring that ordinary Sarawakians can continue to put affordable food on the table. When global supply chains are disrupted, when import prices rise, it is the urban consumer who immediately feels the burden through higher food prices in markets, restaurants and hawker stalls.

Tuan Speaker, I support the establishment of the Sarawak Padi and Rice Board in principle. However, as representatives entrusted with safeguarding public funds, we must ensure that this Board delivers tangible results and not become another layer of bureaucracy. The State Government has committed RM1 billion for infrastructure and development. This is a significant investment of public money. Urban taxpayers, just like our rural communities, deserve assurances that every ringgit spent will translate into measurable outcomes — increased production, reduced dependency on imports, and stable rice prices for consumers.

Therefore, I propose that the Board adopts a transparent Performance-Based Monitoring System with publicly reported milestones. The *rakyat* should be able to see how much land has been successfully cultivated, how much output has increased annually, and whether the investments are actually lowering vulnerable supplies.

Infrastructure alone cannot guarantee success. We have seen projects elsewhere fail because maintenance, coordination and local participation were neglected. We cannot afford expensive facilities that eventually become underutilised or unsustainable. And I would like to share with this august House, on a study conducted by our very own local university, UNIMAS, and the title of this study which was published in the Journal of Borneo Kalimantan criticized the Bario Rice Project's top-down approach noting a significant lack of transparency regarding key performance indicators (KPIs) and a failure to meaningfully engage the local Kelabit community. And they also highlight that it was failed modernization because they did the research and the research highlighted that while RM30 million was invested, modern machinery often sat idle due to unsuitable soil conditions and field contours that did not accommodate heavy equipment.

Tuan Speaker, as an urban representative, I also wish to emphasise that food security must go hand in hand with affordability. If increased production does not ultimately stabilise prices for consumers, then the objective of food security remains incomplete.

Tuan Speaker, I am sure that you are aware that urban families today are already burdened by inflation, rental costs, transportation expenses and education costs. Rice is not a luxury item. It is

a basic necessity. Hence, the success of the Board should not only be measured by tonnes per hectare, but also by whether ordinary Sarawakians can continue to purchase rice at reasonable and stable prices.

Tuan Speaker, at the same time, we must ensure inclusivity in this transformation as expounded in our Post COVID-19 Development Strategy 2030. The move towards SMART farming, mechanisation and modern agriculture is necessary. However, technology must empower local farmers, not marginalise them. Small farmers should not be left behind due to high costs of machinery, hybrid seeds or specialised inputs. The Board must therefore prioritise training and technical assistance, accessible financing, and cooperative models that allow smaller farmers to benefit from economies of scale.

This is not only just about productivity. It is also about creating sustainable livelihoods and preventing excessive concentration of control within large corporate entities. So, I hope that the Board, once established, will ensure that there will not be any monopoly by a single entity.

Tuan Speaker, another important point that I want to highlight is value creation. Sarawak should not merely aspire to produce more rice. We should aspire to build a recognised Sarawak rice brand with premium quality and international market potential. Our indigenous and heritage rice varieties possess unique identity and cultural value. These products can become high-value exports and agrotourism attractions if properly marketed.

Therefore, I strongly urge the Board once established to establish a unit, a dedicated unit for preservation of indigenous rice varieties, research and branding, and downstream commercialisation. This is how we can combine economic growth with cultural preservation.

Tuan Speaker, finally, the Board must remain lean, efficient and outcome driven. The *rakyat* do not want over-lapping agencies or unnecessary administrative expansion and I hope that the Minister will ensure that once the Board is established, we will ensure that the bulk of the allocation would be used for capital expenditure rather than being used for operating expenditure. I think as Sarawak moves forward, Sarawakians want to see stronger food security, they would also want to see better income for farmers, stable supply chains, and most importantly affordable prices for consumers and if implemented properly, the Board can become more than just an agricultural institution. It can become a strategic pillar of Sarawak's long-term economic resilience and self-reliance. With those remarks, I support the Bill. Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Kota Sentosa. Next, I would like to humbly call Yang Berhormat Daro, please.

YB Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad: Assalamualaikum W.B.T., Salam sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Segulai Sejalai. Terima kasih Tuan Speaker kerana telah memberi saya peluang untuk memberi bahagian dalam perbahasan *Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak, 2026* yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom, Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah merangkap Ahli Yang Berhormat bagi N.69 Kemena.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini merupakan satu instrumen penting yang mencerminkan kedaulatan negeri kita. Ia bukan sekadar satu penyelarasan pentadbiran, tetapi merupakan satu deklarasi strategik terhadap kebebasan dan autonomi pertanian Sarawak. Sekian lama sektor padi dan beras kita tertakluk di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 di peringkat Persekutuan. Walaupun akta tersebut mempunyai peranannya pada suatu ketika dahulu, ia gagal mengambil kira keunikan landskap Sarawak daripada isu tanah Hak Adat Bumiputera ataupun (NCR) hinggalah kepada cabaran logistik yang khusus di negeri ini.

Hari ini, kita mencadangkan satu kerangka kawal selia yang diterajui Sarawak melalui penubuhan Lembaga Padi dan Beras Sarawak bagi mengawal penggunaan tanah, menguatkuasakan standard kualiti, serta mentadbir pelesenan dalam sempadan negeri kita sendiri.

Ancaman Geopolitik dan Keselamatan Makanan

Tuan Speaker, kita perlu melihat melangkaui sempadan negara untuk memahami keperluan mendesak terhadap Rang Undang-undang ini. Rantian bekalan makanan global kini semakin rapuh. Laporan terkini menunjukkan bahawa ketegangan berterusan di antara Amerika Syarikat dan Iran sedang menolak industri beras ke arah satu krisis yang besar.

Seperti dilaporkan oleh *the Business Times* di Vietnam, kos pengangkutan laut telah meningkat antara 25 hingga 35%. Di Thailand pula, eksport beras terganggu kerana kapal tidak dapat melalui Selat Hormuz dengan selamat. Lebih membimbangkan, kenaikan mendadak harga bahan api dan baja menyebabkan ramai petani di Thailand dan Vietnam mempertimbangkan untuk memberhentikan penanaman padi kerana mereka tidak lagi mampu menampung kos pengeluaran.

Apabila jelapang padi Asia Tenggara sendiri berada dalam keadaan terancam, Sarawak tidak boleh terus menjadi pemerhati pasif. Tahap Sara Diri beras Sarawak pada masa ini hanyalah sekitar 21%. Berdasarkan laporan *the World Bank* menerusi pangkalan data *World Integrated Trade Solution* (WITS), pada tahun 2024 negara kita membelanjakan RM2.02 bilion bagi mengimport beras dari Vietnam dan RM667.5 juta dari Thailand.

Kebergantungan sepenuhnya kepada mekanisme Persekutuan menyebabkan kita terdedah kepada kejutan luaran ini. Rang Undang-undang ini menyediakan asas perundangan bagi pelaksanaan intervensi bekalan kecemasan dan stok penimbun yang strategik demi memastikan rakyat Sarawak terus mempunyai bekalan beras walau apa jua konflik global yang berlaku.

Realiti Geografi dan Demografi Sarawak

Tuan Speaker, Sarawak meliputi kawasan lebih daripada 124,000km persegi dengan penduduk luar bandar yang berselerak di kawasan pedalaman dan persekitaran sungai. Pendekatan “*satu penyelesaian untuk semua*” ataupun “*one size fits all*” di peringkat persekutuan sering kali tidak berkesan di Sarawak disebabkan kos pengangkutan yang tinggi serta keterbatasan jaringan perhubungan.

Melalui Rang Undang-undang ini, kita dapat melaksanakan langkah kawal selia yang disesuaikan dengan keadaan tempatan, termasuk penyimpanan stok secara setempat dan rangkaian pengedaran yang lebih efektif bagi menjamin kestabilan pasaran sehingga ke kawasan paling terpencil di negeri ini.

Melindungi Petani Kecil dan Tanah NCR

Tuan Speaker, kira-kira 80% petani padi di Sarawak terdiri daripada petani kecil-kecilan dan sebahagian besar daripada mereka mengusahakan tanah NCR. Undang-undang persekutuan tidak mengambil kira secara khusus kerumitan berkaitan tanah NCR dan amalan pertanian tradisional masyarakat tempatan.

Rang Undang-undang ini menutup ruang tersebut. Di bawah Fasal 3(2), Lembaga Padi dan Beras Sarawak (SPRB) diiktiraf secara sah sebagai satu entiti “*native*”. Ini merupakan satu langkah legislatif yang amat strategik kerana ia membolehkan Lembaga mengurus dan membangunkan tanah NCR bagi tujuan penanaman padi secara moden, tanpa menjejaskan hak adat masyarakat asal. Kita sedang mengangkat sebenarnya, mengangkat tanah warisan nenek moyang kita menjadi satu aset yang bernilai tinggi.

Menyelaras Pelaburan Negeri dan Ekonomi Baru

Tuan Speaker, kita telah mengenal pasti beberapa zon pembangunan berpotensi tinggi seperti di Sri Aman, Mukah termasuk Daro, Kapit dan Limbang. Namun, undang-undang Persekutuan tidak memberi kuasa secara langsung kepada Sarawak untuk menyelaras inisiatif-inisiatif ini. Rang Undang-undang ini mengubah keadaan tersebut. Ia memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk:

- (a) Menggembeleng sumber secara lebih cekap merentasi pelbagai agensi;
- (b) Menarik pelaburan swasta melalui Fasal 31 yang membolehkan Lembaga menubuhkan Syarikat serta membentuk Kerjasama Awam-Swasta atau *Public-Private Partnership* (PPP); dan
- (c) Membolehkan sektor ini selaras dengan agenda PCDS 2030 melalui penggunaan pemantauan rantai bekalan berasaskan Kecerdasan Buatan ataupun AI, serta penerokaan penggunaan jentera berkuasa hydrogen hijau, sekali gus meletakkan Sarawak sebagai peneraju pertanian mampan dan sifar pelepasan karbon.

Memperkukuh Autonomi Dalam Kerangka Persekutuan

Tuan Speaker, saya melihat Rang Undang-undang ini sebagai pelengkap, bukannya bercanggah dengan undang-undang Persekutuan. Fokusnya tertumpu kepada bidang kuasa negeri seperti perancangan pengeluaran, pelesenan tempatan dan pembangunan petani.

Di bawah Fasal 8(i), pembangunan bakal akan dihubungkan dengan inisiatif Pendidikan tinggi percuma Sarawak. Sebenarnya kita bukan sahaja menanam padi, tetapi kita sedang melahirkan generasi baharu "*agropreneur*" yang mahir dalam pertanian berasaskan *robotic* dan kecerdasan buatan ataupun AI.

Tadbir Urus, Akauntabiliti dan Pelaksanaan Bertanggungjawab

Tuan Speaker, walaupun saya menyokong Rang Undang-Undang ini, saya juga ingin menegaskan bahawa penubuhan mana-mana badan berkanun yang baharu, mestilah disertai dengan komitmen kukuh terhadap tadbir urus yang baik. Kuasa tanpa akauntabiliti akan menghakis kepercayaan rakyat dan undang-undang yang bercita-cita tinggi tanpa pelaksanaan yang berdisiplin jarang sekali mencapai matlamat yang dihasratkan.

Penyata penjelasan Rang Undang-Undang ini sendiri mengakui bahawa pelaksanaan Rang Undang-Undang ini akan melibatkan tambahan perbelanjaan kerajaan. Walaupun jumlah sebenar belum dapat dipastikan pada masa ini. Oleh itu, sejak dari awal lagi kita mesti memberikan penekanan kepada:

- (a) Pengurusan kewangan yang telus;
- (b) Penyediaan anggaran tahunan dan akaun audit yang teratur;
- (c) Pemantauan prestasi yang jelas melalui KPI yang boleh diukur; dan
- (d) Sistem integriti serta pencegahan rasuah yang mantap.

Dalam pada masa yang sama, pegawai yang diberi kuasa di bawah Bahagian VI akan mempunyai kuasa penguatkuasaan yang besar termasuk kuasa penyiasatan dan akses kepada data berkomputer. Walaupun kuasa-kuasa ini perlu bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan, ia mesti dilaksanakan secara bertanggungjawab profesional dan telus.

Prosedur operasi standard ataupun SOP, latihan yang mencukupi serta mekanisme aduan yang jelas perlu diwujudkan supaya tindakan penguatkuasaan ini dapat meningkatkan, bukannya menjejaskan keyakinan rakyat terhadap lembaga ini nanti. Pendek kata, kredibiliti Lembaga Padi

dan Beras Sarawak bukan sahaja bergantung kepada kekuatan mandatnya, tetapi juga kepada disiplin dan dalam pelaksanaannya.

Tuan Speaker, dunia hari ini telah berubah. Rantaian bekalan global yang sebelum ini berasaskan konsep "*just in time*" kini telah berubah kepada realiti "*just in case*". Kita tidak lagi boleh menyerahkan keselamatan makanan kita kepada ketidaktentuan pasaran luar atau keterbatasan pengawasan berpusat di peringkat persekutuan.

Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak, 2026 merupakan benteng pertahanan kita. Ia adalah pelan hala tuju kita menuju tahun 2030 dan ia juga memastikan Sarawak mempunyai kawalan yang lebih bermakna terhadap masa depan keselamatan makanannya, sambil menyediakan masa depan yang lebih makmur dan berdaya tahan kepada komuniti luar bandar melalui institusi yang berakuntabiliti, berdisiplin dan diyakini rakyat. Dengan itu, Tuan Speaker, Daro menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Daro. Seterusnya, I humbly called upon Yang Berhormat for Batu Kitang, please.

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: Thank you, Tuan Speaker. First and foremost, I wish to extend my sincere appreciation and congratulations to the Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development Sarawak, Yang Berhormat Member for N.69 Kemena, for tabling the Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026.

I rise to express my full support for this Bill because I firmly believe that this legislation represents a timely, strategic and forward-looking step towards strengthening Sarawak's food security and transforming the padi and rice industry into a more resilient, modern and sustainable sector for the future.

Tuan Speaker, we are currently living in an increasingly uncertain global environment. The COVID-19 pandemic, geopolitical conflicts, climate change, disruption in international trade and instability in global food supply chains have shown us one very important lesson, food security can no longer be taken for granted. Rice is not merely another agricultural commodity. It is a strategic necessity. For that reason, Sarawak cannot continue to rely excessively on imported rice, while global supply system becomes increasingly unpredictable.

Today, Sarawak's rice self-sufficiency level remains relatively low. This means that we are still vulnerable to external supply disruptions, price volatility, and international market uncertainties. Therefore, effort to strengthen local rice production and improve Sarawak self-sufficiency level are no longer optional. They are necessary.

Tuan Speaker, the Honourable Members for Pending and Padungan questioned why this Board is necessary. With respect, the answer is very simple. The very weaknesses highlighted by the opposition are precisely the reasons why this Board must be established. They spoke about fragmented implementation, insufficient coordination, weak monitoring, irrigation challenges, logistic problems, low productivity and the need for better long-term planning.

Exactly, precisely that is why Sarawak now requires a dedicated institutional framework, focused specifically on the paddy and the rice industry. The Sarawak Padi and Rice Board will provide stronger coordination, integrated planning, clearer accountability, more focused implementation, and long-term institutional continuity...*(Interruption)*...

Timbalan Speaker: Do you give way to the Yang Berhormat for Padungan, Yang Berhormat?

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: Yes, please.

YB Encik Chong Chieng Jen: Thank you, Tuan Speaker. Thank you, the Honourable Member for Batu Kitang.

The Honourable Member for Batu Kitang, firstly, we did not question the need of to set up this Board, Number 1. Number 2, you are saying that the need to set up this Board is because, you need a more focused institution to develop this padi cultivation and development? My question is are you saying that previously the ministry is disfocused, not focus on their job enough that is why the paddy cultivation and programmes are unsuccessful and have failed. And another thing is that my question on RM950 million allocation announcement. What do you have to say on that?

Timbalan Speaker: Yang Berhormat...*(Interruption)*...

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: Thank you, Tuan Speaker. Thank you, the Honourable Member for Padungan. RM900 million, all these were years ago. If I remember correctly, all this money came from the Federal Government for Sarawak because agriculture was under the Federal Government. And, *ya*, that was your question, *ya*? What was, that one was the first question.

YB Encik Chong Chieng Jen: Are you saying, the Ministry is not focused enough previously?

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: Same answer.

YB Encik Chong Chieng Jen: But not focused *lah*.

YB Dato Ir. Lo Khare Chiang: No, because it was under the Federal Government before. Today is different. Today is under GPS Government.... *(Applause)*...Under Abang Jo is entirely different. Thank you for answering that question for me, Honourable Member for Padungan.

This Bill is not merely creating another office or another letterhead. With respect to the Honourable Member for Pending, no one in this House has claimed that a Board alone magically increases rice production. The purpose of this Board is to establish a dedicated institutional mechanism capable of planning, monitoring, infrastructure coordination, irrigation integration, stockpile planning, data management, farmer support and long-term food security governance.

Without a dedicated coordinating institution, development efforts become fragmented across multiple agencies without unified accountability and continuity. The Honourable Member for Pending also raised concern about centralisation and dependency. But with due respect, the paddy and rice sector has long operated within highly centralised federal regulatory and administrative structures.

What Sarawak is doing today is not excessive centralisation. Sarawak is strengthening our own local institutional capacity so that decisions involving Sarawak's food security can be coordinated more effectively based on Sarawak on needs, geography and realities. It is therefore somewhat contradictory to raise concern about centralisation when Sarawak seeks to strengthen its own institutional role in protecting our food security.

Tuan Speaker, it is also important to clarify that this Bill operates in tandem with the existing federal legal framework under the Paddy and Rice Control Act 1994. This Bill does not contravene or supersede federal law. Rather, it strengthens Sarawak internal institutional capacity to plan, coordinate and develop the paddy and rice industry within our own constitutional and administrative competence. This is practical and responsible approach towards strengthening Sarawak food resilience.

The Honourable Member for Padungan referred extensively to announcements and programmes from many years ago, including projects dating back to earlier periods. However, many of these programmes existed under earlier agricultural structures and broader federal-driven frameworks at that particular point and time.

Much of what the Honourable Member for Padungan described, weak implementation, inconsistent coordination, low self-sufficiency, fragmented planning and unfulfilled agricultural targets. They occurred under arrangements where major agricultural regulation, assistance and coordination were still largely under broader federal structures as I have mentioned before.

Today, Sarawak is strengthening our own institutional capacity in a more coordinated and focused manner. If previous implementation face limitations, then the answer is a stronger coordination, better governance, improved monitoring, clearer accountability and a more focused institutional capacity. This is what, this is precisely what this Bill seeks to achieve.

Therefore, with respect, Members for Pending and Padungan cannot spend their entire speeches explaining why previous arrangements were insufficient and then question Sarawak's effort to build a stronger system and moving forward.

In conclusion, Tuan Speaker, the Honourable Members for Pending and Padungan spent much of their speeches highlighting irrigation challenges, logistics weaknesses, fragmented implementation, insufficient monitoring, low productivity, and the need for strong coordination.

With respect, these are not arguments against this Bill. These are the strongest arguments in support of this Bill. This Bill is not about pretending that all problems have been solved. This Bill is about recognising the challenges honestly and building the institutional capacity needed to solve them.

Food security cannot depend on fragmented short-term approaches. It requires long-term planning, institutional continuity, technological upgrading, coordinated governance, and strategic commitment. The Sarawak Padi and Rice Board represents an important step in that direction.

Tuan Speaker, I firmly believe that this Bill will strengthen Sarawak's food resilience, modernise our paddy and rice industry, empower our farmers, and build a stronger and a more sustainable future for Sarawak. With that, I fully support this Bill. Thank you, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Batu Kitang. Seterusnya, Yang Berhormat dari Kalaka.

YB Tuan Haji Mohamad bin Duri: Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak 2026.

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam *Segulai Sejalai*. Saya berdiri pada hari ini untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak, 2016 yang telah berjaya dibentangkan oleh Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom, ADUN N.69 Kemena. Pada hemat saya, pembentangan Rang Undang-Undang ini bukan sekadar memperkenalkan sebuah lembaga baharu, tetapi menjadi penanda aras yang penting dalam sejarah pembangunan agro makanan Sarawak, khususnya dalam memperkukuhkan agenda keselamatan makanan negeri dan negara.

Selama ini kita sering mendengar ungkapan "*beras adalah nyawa rakyat*". Maka apabila Sarawak tampil dengan pendekatan lebih agresif dan tersusun terhadap pembangunan industri padi dan beras, ini menunjukkan Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) benar-benar serius dan tidak lagi mahu bergantung sepenuhnya kepada bekalan luar. Bak kata peribahasa Melayu "*sediakan payung sebelum hujan*". Dalam dunia hari ini yang semakin tidak menentu akibat daripada perubahan iklim, konflik geopolitik serta gangguan rantaian bekalan makanan global, Langkah menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Sarawak adalah tindakan yang tepat dan berpandangan jauh.

Tuan Speaker, saya yakin inti pati utama Rang Undang-undang ini iaitu penubuhan *Lembaga Padi dan Beras Sarawak 2026* amat signifikan. Ini kerana ia bakal menjadi badan khusus yang mempunyai kuasa dan fungsi jelas dalam merancang, menyelaraskan serta memperkukuh pembangunan industri padi dan beras negeri Sarawak. Malah, penubuhan lembaga ini akan membolehkan Sarawak menggubal dasar dan perundangan berkaitan industri padi dan beras secara lebih fokus dan berkesan.

Dewan juga dimaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini melibatkan pewartaan tujuh kawasan tanah Sarawak sebagai kawasan pembangunan penanaman padi. Saya percaya bahawa kawasan-kawasan tersebut akan menjadi *anchor* atau pemangkin utama dalam merealisasikan hasrat Sarawak mencapai tahap sara diri beras yang lebih tinggi. Namun begitu, saya ingin mencadangkan agar kawasan-kawasan lain yang mempunyai potensi besar turut dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam pelan pembangunan masa depan. Contohnya, di kawasan DUN Kalaka terdapat beberapa kawasan yang saya percaya sangat berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pengeluaran padi moden. Antaranya, Kampung Kaba, Lubok Nibong, Jelupang di Daerah Kecil Roban.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Kampung Kaba sahaja terdapat lebih 30 hektar kawasan yang bakal menjadi perintis projek pengeluaran padi dan beras secara besar-besaran di Daerah Saratok menggunakan teknologi moden. Kerajaan Sarawak melalui Agensi Pembangunan Bahagian Betong (BDDA) telah memperuntukkan keseluruhan sebanyak RM4.8 juta bagi menyokong usaha ikhlas ini. Hasrat kita jelas iaitu menjadikan Kampung Kaba sebagai kawasan pertanian moden dengan sasaran hasil tuaian sehingga lima kali dalam tempoh dua tahun dan sehubungan dengan itu, selaras dengan penubuhan Lembaga Padi dan Beras Sarawak kelak, kita mahu memanfaatkan sepenuhnya kawasan tersebut dengan penambahbaikan *infrastructure* saluran, pembinaan kilang pemprosesan beras dan penyediaan kemudahan sokongan yang lain.

Daripada jumlah keseluruhan peruntukan tersebut sebanyak RM2 juta diperuntukkan bagi pembinaan kilang memproses beras di Skim Padi Kampung Kaba oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak, RM2 juta bagi menaik taraf sistem saluran dan pengairan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan RM800,000 lagi untuk pemasangan kabel bervoltan tinggi 11,000kV termasuk *overhead line* serta *transformer* 50kVA oleh Kementerian Utiliti Telekomunikasi menerusi *Sarawak Energy Berhad*.

Tuan Speaker, begitu juga pembangunan kawasan Lubok Nibong yang suatu ketika dahulu pernah menjadi jantung penanaman padi di kawasan Kalaka. Saya percaya bukan kawasan itu sahaja yang berpotensi dibangunkan, malah banyak lagi kawasan di Daerah Saratok yang boleh diusahakan menerusi konsep taman agro dan pertanian moden seperti di Kampung Perpat, Kampung Kupang serta Kampung Paloh. Sesungguhnya, Rang Undang-undang ini amat relevan kerana tanaman padi bukan sekadar aktiviti pertanian biasa. Ia berkait langsung dengan keselamatan makanan, kelangsungan ekonomi rakyat, warisan budaya dan kedaulatan sesebuah negeri. Bak kata orang tua-tua "kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya". Jika kita mahu melihat Sarawak menjadi kuasa baharu pengeluaran beras negara, maka kita mesti berani melaksanakan perubahan besar mulai hari ini.

Perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan tahap sara diri atau *self-sufficiency ratio (SSR)*. Kita sedia maklum bahawa Malaysia sebelum ini lazimnya hanya mencapai SSR beras sekitar 71% dan kini dilaporkan menurun kepada kira-kira 53% seperti yang pernah dinyatakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu. Ini menunjukkan negara masih bergantung kepada import beras luar. Justeru, pembukaan lebih banyak kawasan penanaman padi berskala besar di Sarawak merupakan langkah yang amat tepat dan strategik. Jika kawasan berpotensi dapat dibangunkan secara sistematik, saya percaya Sarawak mampu membantu negara mencapai SSR beras sehingga 80%.

Tuan Speaker, kedua, Sarawak mempunyai potensi sangat besar untuk muncul sebagai pengeluar beras utama negara. Kita masih mampu, kita masih mempunyai keluasan tanah yang

luas, sumber air yang mencukupi serta ekosistem pertanian yang sesuai. Kawasan delta, tanah rendah dan sawah tradisional yang sebelum ini kurang dibangunkan boleh dijadikan jelapang padi baharu secara moden dan tersusun. Tambahan pula, permintaan terhadap beras tempatan kini semakin meningkat. Rakyat semakin menghargai produk tempatan seperti Beras Adan Bario dan *variety* tradisional yang lain yang mempunyai nilai premium. Tidak kurang juga beras wangi dari kawasan rendah yang mempunyai kualiti dan rasa yang sangat baik seperti beras bali. Ini membuka peluang besar kepada petani untuk meningkatkan pendapatan melalui pengeluaran beras berkualiti tinggi.

Tuan Speaker, ketiga ialah aspek teknologi moden. Yang Amat Berhormat Premier Sarawak sering menekankan kepentingan pertanian moden dengan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian. Ini menunjukkan Sarawak kini berada di landasan tepat menuju transformasi pertanian pintar. Penggunaan dron, sistem pengairan pintar, mekanisasi, teknologi satelit, *Internet of Things (IoT)* serta automasi pertanian mampu meningkatkan hasil pertanian pada masa sama mengurangkan kos operasi.

Justeru itu, saya berharap melalui Lembaga Padi dan Beras Sarawak kelak, kawasan-kawasan penanaman padi di DUN Kalaka tidak akan tercicir daripada menerima manfaat teknologi moden ini. Kita mahu penggunaan dron untuk pembajaan dan semburan, aplikasi pemantauan sawah, data cuaca masa nyata (*real-time*) serta automasi pertanian menjadi norma baharu dalam sektor penanaman padi di Sarawak termasuklah di Daerah Saratok. Dalam masa yang sama, aspek penyelidikan dan pembangunan juga mesti diperkukuhkan. Kerjasama di antara kerajaan, universiti dan institusi penyelidikan perlu diperluas bagi menghasilkan benih padi yang lebih tahan penyakit, tahan cuaca serta mempunyai hasil yang lebih tinggi.

Tuan Speaker, penubuhan Lembaga Padi dan Beras Sarawak juga diharap mampu mengatasi cabaran yang masih membelenggu sektor ini. Diantaranya ialah kekurangan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan, jalan ladang, saluran dan kemudahan logistik. Akibatnya, produktiviti petani rendah dan kos pengeluaran yang meningkat. Masih ada juga petani yang bergantung kepada kaedah tradisional kerana kekurangan akses kepada mesin moden. Justeru itu, saya berharap lembaga ini kelak dapat menjadi agensi penyelaras utama yang benar-benar melengkapkan apa yang kurang dan memperkukuhkan apa yang lemah. Lebih-lebih lagi dunia hari ini berhadapan dengan perubahan iklim yang semakin serius. Fenomena banjir, cuaca yang tidak menentu, kemarau serta serangan penyakit tanaman semakin memberi kesan kepada hasil padi. Tanpa sistem pertanian yang lebih tahan iklim (*climate-resilient agriculture*), hasil pengeluaran akan terus terjejas.

Tuan Speaker, selepas kita membahaskan perkara ini hari ini, saya percaya masa hadapan industri padi dan beras Sarawak sebenarnya cukup cerah. Apa yang penting ialah keberanian politik, dasar konsisten dan pelaksanaan yang berkesan. Dalam hal ini, saya melihat penglibatan generasi muda amat penting. Jika kita mahu mempercepatkan pembangunan jelapang padi moden lengkap dengan pengairan pintar, pusat penyimpanan, dan pusat pemprosesan dan mekanisasi penuh, maka kita memerlukan golongan muda sebagai penggeraknya. Kita perlu menjadikan sektor pertanian sebagai sektor berpendapatan tinggi dan berprestij. Berikanlah insentif kepada belia seperti geran permulaan, latihan teknologi pertanian, akses pembiayaan dan peluang penggunaan tanah secara lebih mudah. Oleh yang demikian, saya pernah mencadangkan supaya dibina sebuah Kolej Pertanian Vokasional menjadi satu realiti di Kaba dan dapat dibina dalam masa yang terdekat. Kita mahu melihat lebih ramai graduan usahawan muda tampil sebagai *agropreneur* moden bak kata peribahasa melayu "*pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara*". Merekalah kelompok paling sesuai untuk memacu revolusi pertanian moden Sarawak.

Tuan Speaker, kita mahu supaya Lembaga Padi dan Beras Sarawak memberi penambahan baik kepada *marketing facilities*. Ianya bertujuan supaya pihak kawal selia padi dan beras bagi menilai semula kaedah pemberian lesen membeli padi dan memberi kelonggaran syarat-syarat pemilikan lesen dan menyediakan setiap kawasan perlu diwujudkan pusat belian padi. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Premier

Sarawak serta Kerajaan Gabungan Parti Sarawak (GPS) di atas komitmen, sokongan dalam usaha merealisasikan penubuhan Padi dan Beras Sarawak 2026. Kerajaan Sarawak telah menunjukkan kesungguhan memperkukuhkan sektor agro makanan melalui pembangunan jelapang padi, bantuan input pertanian, subsidi serta latihan kepada petani. Hari ini tanaman padi bukan dianggap satu isu kecil masyarakat luar bandar semata-mata. Sebaliknya ia adalah soal masa depan, keselamatan makanan dan kedaulatan negeri. Jika kita gagal bertindak sekarang, generasi yang akan datang terus bergantung kepada bekalan luar. Namun jika kita merancang dengan baik, melaksana dasar secara konsisten dan memanfaatkan teknologi moden, saya percaya Sarawak bukan sahaja mampu mencapai satu, mencapai tahap sara diri beras, malah berpotensi menjadi hab pengeluaran beras moden utama di rantau ini. Dengan itu, Kalaka menyokong *Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak 2026*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Kalaka. Seterusnya, Yang Berhormat Baleh. Silakan.

YB Encik Nicholas Kudi anak Jantai: Terima kasih, Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak, 2026 di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak atas pembentangan Rang Undang-undang ini. Pembentangan ini jelas mencerminkan komitmen berterusan beliau dalam memperkukuhkan agenda keselamatan makanan serta memodenkan sektor pertanian negeri Sarawak.

Tuan Speaker, saya berpandangan bahawa Rang Undang-undang ini merupakan satu langkah yang amat penting, relevan dan strategik dalam usaha Kerajaan Sarawak memperkukuhkan keselamatan makanan serta membangunkan industri padi dan beras secara lebih moden, sistematik dan berdaya saing. Kita harus sedar bahawa isu keselamatan makanan bukan lagi satu pilihan tapi satu keperluan yang mendesak. Dunia hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk perubahan iklim, konflik geopolitik, gangguan rantaian bekalan global serta kenaikan harga makanan yang memberi kesan langsung kepada rakyat.

Pada masa ini Sarawak hanya mampu menghasilkan sekitar 30,000 tan metrik beras setahun. Sedangkan keperluan negeri dianggarkan mencecah 450,000 tan metrik. Ini menjadikan tahap sara diri SSL Sarawak hanya sekitar 21%. Sekali gus menunjukkan kebergantungan yang tinggi kepada import luar. Oleh itu saya menyokong penuh sasaran Kerajaan Sarawak untuk meningkatkan SSL beras kepada 60% menjelang tahun 2030.

Sasaran ini bukan saja realistik tetapi amat penting dalam memastikan keselamatan makanan negeri dalam jangka panjang. Tuan Speaker, penubuhan *Sarawak Padi and Rice Board* melalui Rang Undang-undang ini akan membolehkan pembangunan industri padi dilaksanakan secara lebih tersusun dan berfokus. Lembaga ini akan memainkan peranan penting dalam menyelaras dasar, pembangunan tanah, penyelidikan pertanian, latihan petani, penggunaan teknologi moden serta pengurusan rantaian bekalan beras negeri.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Sarawak telah mengenalpasti sekitar 14,000 hingga 15,000 hektar tanah berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan penanaman padi. Ini merupakan satu langkah yang amat positif dan membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memperkasa sektor pertanian makanan.

Sebagai wakil rakyat bagi kawasan Baleh, saya ingin melihat kawasan seperti Tunoh turut diberi perhatian sebagai kawasan baharu penanam padi berteknologi tinggi. Kawasan ini mempunyai potensi besar dari segi keluasan tanah, sumber air serta kesesuaian untuk dibangunkan dengan pendekatan pertanian moden sekiranya disokong dengan infrastruktur dan teknologi yang mencukupi.

Tuan Speaker, saya percaya pembangunan kawasan seperti Tunoh dan juga kawasan lain bukan saja dapat meningkatkan pengeluaran padi negeri malah mampu mengubah landskap

ekonomi masyarakat luar bandar melalui pembangunan pertanian moden. Peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan kepada penduduk tempatan khususnya golongan belia. Saya juga berharap Kerajaan Sarawak memberi penekanan kepada penggunaan teknologi moden seperti dron pertanian, sistem pengairan pintar, mekanisasi ladang, teknologi pemetaan tanah serta penggunaan benih padi berkualiti tinggi.

Penggunaan teknologi ini akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran serta menjadikan sektor pertanian lebih cekap dan kompetitif. Selain itu, usaha ini juga berpotensi menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang pertanian moden. Kita perlu mengubah persepsi bahawa pertanian adalah sektor tradisional semata-mata sedangkan hakikatnya ia kini berasaskan teknologi, inovasi dan pengurusan profesional yang mampu menjana pendapatan yang lumayan.

Tuan Speaker, dalam usaha membangunkan sektor ini, kebajikan petani dan pesawah juga perlu terus diberi perhatian. Bantuan subsidi, latihan kemahiran, akses pembiayaan serta jaminan pasaran perlu diperkukuhkan bagi memastikan mereka terus berdaya saing dan bermotivasi meningkatkan pengeluaran. Di samping itu penggunaan infrastruktur luar bandar seperti jalan pertanian, sistem saliran bekalan elektrik dan capaian internet juga amat penting bagi memastikan pelaksanaan projek pertanian dapat dijayakan dengan berkesan.

Saya yakin sekiranya semua usaha ini dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu, Sarawak bukan saja mampu mencapai sasaran SSL 60% menjelang tahun 2030 malah berpotensi menjadi antara pengeluar beras utama di rantau ini pada masa hadapan.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini jelas mencerminkan komitmen Kerajaan Sarawak dalam memastikan keselamatan makanan negeri sentiasa terjamin. Ia bukan saja memberi manfaat kepada sektor pertanian malah menjadi pemangkin kepada penggunaan ekonomi luar bandar serta peningkatan taraf hidup rakyat. Dengan penuh keyakinan dan harapan demi masa depan rakyat Sarawak saya Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak N.64 Baleh menyatakan sokongan penuh terhadap Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Sarawak, 2026 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Baleh. Seterusnya, Yang Berhormat Bukit Begunan, silakan.

YB Datuk Mong anak Dagang: Thank you very much, Tuan Speaker. Thank you very much for giving me the opportunity to participate in the debate on the *Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026* tabled by the Yang Berhormat Dato Seri Minister for Agriculture, Food, Commodity and Regional Development which also ADUN for N.69 Kemena.

I do not wish to dwell in details of the Bill, Tuan Speaker, but I would like to make general comments and suggestions in support of the Bill. Rice is our staple food thus it is of paramount importance for the state to produce sufficient supply of rice to meet the demand of the people. It was reported that the state is producing approximately 21% rice needs and the remaining slightly over 70% are imported. This is a cause for concern Tuan Speaker, for in an event of crisis, be that natural disaster or conflict affecting the producing country, it will directly affect Sarawak.

Tuan Speaker, let us look at the statistic to see how far the supply production paddy and rice in Sarawak had dropped. Tuan Speaker, statistic from the *'Booklet Statistic Tanaman 2025, Bahagian Perangkaan Pertanian Statistik, Jabatan Pertanian Malaysia'*. It shows a declining trend in paddy cultivation and production for Sarawak.

Now, let's look at the total acreages planted and paddy production from 2020 to 2024. In 2020, 90,865 hectares of land were planted with paddy and in 2022 it dropped to 77,943 hectares and in 2024 it further reduced to only 45,269 hectares. There was a 50% drop in areas being planted within, spend just four years.

Similarly, it was reported in 2020, Sarawak produced 167,589 metric tonnes of paddy. I am talking, I am mentioning paddy, Tuan Speaker. 77,943 metric tonne in 2022 and 45,269 metric tonne in 2024. Tuan speaker, there are many reasons for reduction in paddy cultivation and production. As we all know, paddy farming or paddy cultivation in rural areas involved family members, mainly on a plot of NCR land. Paddy grown were mostly for own consumption and not for commercial purposes. Only popular local varieties such as *Beres*, Mamut just to name a few are sold in small quantity as a niche product directly at the local market and these are the paddy varieties that could be further developed later on.

Secondly, land once planted with paddy is now being planted with oil palm which give better economic returns to farmers. Hence, land for paddy planting is getting less and less. Similarly, younger generation tends to shy away from farming. So, in the rural areas, farming activities were mostly done by the elders or the older people. Therefore, the board should look into this problem and find ways and means to address these issues.

Tuan Speaker, the introduction of the Bill is indeed appropriate and timely to revive the once and important activity among the rural community. Employing people who are experts in the field, I am optimistic the board can revive paddy industry towards technology-driven and mechanization.

Tuan Spealer, Kedah, for example, which is known as the rice bowl of Malaysia, it is one of the areas in Malaysia with the biggest granary areas, covered an area of approximately 1,200, 1,200, 100,000, 25, 125,000, sorry, Tuan Speaker, 125,987 hectares. Now, the success of Kedah rested on one agency known as Muda Agriculture Development Authority or MADA, which was formed in 1970 with the vision as a leading agency in the development of modern, efficient and stable rice industry, the prime mover in the sheer socio-economic development of the farming community in the areas within each authority.

Now, Muda also covers an area of approximately over 20,000 hectares of land in Perlis. Our neighbour, Sabah, is also modernising its paddy industry with the launching of Lembaga Padi dan Beras Sabah in May 2025 and reported full operational by January 2026. So other states like Sabah is taking bold steps to boost rice production to avoid over-dependence on imported rice. This emphasizes the importance of food security, not only for the whole country, Malaysia but the state as well.

Tuan Speaker, with the establishment of Sarawak Padi and Rice Board, which among others to regulate the development of paddy industry. I believe the state should be able to achieve targeted 60% rise self-sufficiency level by 2030, is outlined in Post COVID-19 Development Strategy 2030. We have visionary leader Yang Amat Berhormat Premier, who are focused on his vision, has set target of about 40,000 hectares of paddy granary by the year 2030.

A pilot project in Gedong using modern techniques is an example in stepping stone towards developing other areas utilizing modern farming method. The SMART Large-Scale Rice Field Programme pilot project in Tanjong Bijat, Sri Aman under IADA Batang Lupar Granary Area, has proven its effectiveness when it successfully boosted paddy yield which means the increase in paddy yield per hectare.

For the information of this august House, IADA Batang Lupar Granary Area, which was mentioned by several Ahli-ahli Yang Berhormat in this august House, is a federal owned and funded project in which the overall development is rather slow. Correct me if I am wrong, funded for the project stopped or ceased in 2018 when there was a change in the Federal Government.

In 2018, Pakatan Harapan took over the Federal Government. This has caused a disruption in the development of the area until today. With sound planning and management, the paddy industry can be developed into an important sector that will provide an opportunity for local farmers to improve their income.

Tuan Speaker, Sarawak has diverse varieties of traditional local paddy for both wet and hill paddies. Over the years farmers have opted for commercial rice varieties which give better yield. Hence, I believed most of these traditional local varieties may have gone extinct.

Therefore, Tuan Speaker, I would like to propose that the Sarawak Paddy and Rice Board should consider create a paddy seeds bank. A seed bank is a secure facility that preserves seeds from a wide variety of plants species in the dormant state to protect genetic diversity. Its purpose is to serve as a critical backup against extinction, natural disaster in agriculture collapse.

To undertake the tasks, the Board could consider a collaborate with the Agriculture Research Centre Semenggok. We have quite good scientist at the research or even we have local university. The preserved seeds will be good source of reference for future research and scientific study.

